



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/03/23 (HQ)

### TNB AMBIL LANGKAH PROAKTIF KEKANG PENULARAN COVID-19

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil langkah proaktif untuk mencegah penularan virus COVID-19 dengan melakukan proses penyihkuman dan pembersihan pejabat pada Sabtu dan Ahad, 7 dan 8 Mac 2020.

Proses melibatkan bangunan-bangunan pejabat di Ibu Pejabat TNB di Jalan Bangsar, Wisma TNB di Jalan Timur, Petaling Jaya, dan semua cawangan TNB.

Sejak minggu lalu, TNB telah mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengurangkan risiko penularan virus COVID-19 dengan melakukan saringan kesihatan kepada semua warga kerja dan pelawat di semua pejabat TNB.

“Tindakan proaktif ini selari dengan keprihatinan TNB terhadap kesihatan dan keselamatan warga kerja dan semua pihak yang berurusan di pejabat-pejabat TNB,” kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

“Mencegah itu lebih baik daripada merawat dan disebalik kebimbangan penularan virus ini, TNB mahu semua warga kerja dan pelawat berasa yakin dengan tahap keselamatan dan kebersihan pejabat-pejabat TNB.”

Selain itu, TNB turut mengambil langkah berjaga-jaga mengekang penularan virus COVID-19 di Kedai Tenaga di seluruh negara dengan menjalankan pemeriksaan suhu badan pegawai dan pelanggan.

Setiap pegawai Kedai Tenaga yang berurusan dengan pelanggan dibekalkan dengan topeng muka. Cecair pembasmi kuman turut disediakan di premis bagi kemudahan pegawai dan pelanggan.

Pembersihan di Kedai Tenaga terutamanya pada pemegang pintu, kaunter, tempat duduk dan kios pembayaran dilakukan tiga kali sehari dengan menggunakan cecair pembasmi kuman agar pelanggan dapat berurusan dengan yakin.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Mac 2020, jam 12.30 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**CAPTION:**



Pekerja pembersihan sedang melakukan kerja-kerja menyahkuman tangga di bangunan Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad di Bangsar. TNB giat menjalankan proses pembersihan dan menyahkuman pada 7 dan 8 Mac lalu, sebagai langkah pencegahan awal virus COVID-19.



Kiosk pembayaran di Wisma TNB Kuantan dinyahkuman pekerja pembersihan bagi mengelak penyebaran virus COVID-19.



Anggota Polis Bantuan TNB memeriksa suhu warga kerja di Ibu Pejabat TNB, Bangsar sebagai langkah mencegah penularan virus COVID-19.